

1. PERSAMAAN PERAKAUNAN

MRSM 2020

Encik Syukri memulakan perniagaan Syukur Selalu Enterprise pada 1 Januari 2020 dengan membawa aset berikut:

	RM
Lengkapan	5 000
Kenderaan	27 000
Tunai di bank	20 000

Urus niaga berikut berlaku sepanjang bulan Januari 2020.

- Menerima invois pada 3 Januari 2020 daripada Razi Enterprise RM3 400. Syarat diskaun tunai 8% 7 hari, 5% 10 hari.
- Menjual barang niaga berkos RM2 100 secara kredit pada harga RM2 500.
- Pemilik mengambil barang niaga sebanyak RM800 untuk kegunaan keluarganya.
- Menjelaskan sepenuhnya hutang kepada Razi Enterprise pada 7 Januari 2020.
- Terima cek daripada Akaun Belum Terima berjumlah RM2 000.
- Pemilik membawa masuk tunai RM3 000 ke dalam perniagaan dan dibankkan.
- Terima komisen atas jualan sebanyak RM1 050 dengan cek.

Anda dikehendaki melengkapkan jadual persamaan di Lampiran 2 untuk menunjukkan kesan urus niaga pada bulan Januari 2020. [10 markah]

Jawapan :

	Aset					= Liabiliti	+	Ekuiti Pemilik	
No	Lengkapan & Lekapan	Kenderaan	Bank	Akaun Belum Terima	Inventori	Akaun Belum Bayar	Modal	Ambilan	Untung Bersih
	5 000	27 000	20 000				52 000		
i									
ii									
iii									
iv									
v									
vi									
vii									
	5 000	27 000	22 922	500	500	0	55 000	(800)	1 722
	55 922					55 922			

PENANG 2020

(a) Cik Dorin , seorang peniaga salon kecantikan , membekalkan maklumat berikut pada 1 April 2020:

	RM
Perabot	3 000
Peralatan	37 000
Akaun belum terima	1 500
Tunai	530
Akaun belum bayar	4 590
Overdraf bank	1 350
Inventori	16 780
Untung bersih	12 450
Modal	Perlu dikira

Urus niaga berikut berlaku sepanjang bulan April 2020:

- Menerima sekeping cek daripada Akaun belum Terima berjumlah RM800 dan diskaun diberi RM30
- Peralatan dinilai semula pada 30 April 2020 dengan nilai RM36 880
- Tunai bernilai RM2 500 dari hasil jualan barang niaga berkos RM1 600 digunakan untuk membayar hutang kepada akaun belum bayar.
- Satu nota kredit bernilai RM100 dihantar kepada pelanggan kerana barang tersalah jenama.
- Bayar insurans kedai dengan cek berjumlah RM600.
- Cik Dorin menjual perabot peribadinya berjumlah RM8 000, RM3 000 dimasukkan ke dalam akaun bank perniagaan.
- Sekeping cek yang diterima daripada akaun belum terima RM300 telah dipulangkan oleh bank dengan tanda'rujuk penyuruhbayar'.

Anda dikehendaki melengkapkan Jadual Persamaan Perakaunan di **Lampiran B**.

[10 markah]

Jawapan :

Urus niaga	Aset						Liabiliti + Ekuiti Pemilik		
	perabot	peralatan	Akaun belum terima	Tunai	inventori	Bank	Akaun belum bayar	Modal	Untung bersih
2020 Apr 1	3000	37000	1500	530	16780	(1350)	4590	40420	12450
(i)									
(ii)									
(iii)									
(iv)									
(v)									
(vi)									
(vii)									
	3000	36880	870	530	15280	1550	2090	43420	12600

2. BUKU CATATAN PERTAMA

JOHOR KULAI SET 2 2020

Pada 31 Disember 2019, Perniagaan Jasa Harapan tidak dapat menyediakan penyata kewangannya dengan baik. Setelah beberapa kali membuat semakan, kesilapan berikut telah dapat dikenalpasti.

- (i) Belian barang niaga berjumlah RM5 000 dengan menggunakan cek belum direkod dalam mana-mana buku.
- (ii) Ambilan barangniaga sebanyak RM200 sebulan selama 12 bulan telah direkodkan sebagai belanja Am.
- (iii) Kadar bayaran RM 930 yang telah dibayar dengan menggunakan cek tersilap rekod sebagai RM903.
- (iv) Ambilan barang niaga berjumlah RM900 untuk tujuan promosi telah didebitkan dalam Akaun belian dan dikreditkan dalam Akaun promosi.

Anda diminta membantu Perniagaan Jasa Harapan membetulkan kesilapan-kesilapan tersebut dengan **menyediakan Jurnal am**.

(Keterangan tidak diperlukan).

[8 markah]

Jawapan :

Jurnal Am

Tarikh	Butir	Debit	Kredit
i)			
ii)			
iii)			
iv)			

Jawapan :

PAHANG PEKAN 2020

Puan Murni ialah pemilik Perniagaan Elektrik Murni yang membekalkan alat-alat elektrik di Johor Bahru. Berikut ialah baki-baki yang diambil daripada buku perniagaannya pada 1 Jun 2020:

	RM
Tunai ditangan	900
Overdraf bank	2 500
Inventori	25 400
Kenderaan	22 500
Perabot	13 600
Modal	59 900

Sepanjang bulan Jun 2020, urusaniaga Elektrik Murni ditunjukkan seperti di bawah :

Asal	INVOIS PAMASONIC SDN BHD Johor Bahru, Johor	No 1001
Tarikh : 3 Jun 2020		
Kepada : Perniagaan Elektrik Murni		
Butir	Kuantiti	Harga seunit
Telivisyen	15	4 250
		4 250
Diskaun niaga 20%		850
Jumlah		3 400
(Ringgit : Tiga ribu empat ratus sahaja) Syarat : 5% 7 hari, K & K di K		
		<i>pama</i> Pengurus

DOKUMEN 1

Asal	NOTA KREDIT PAMASONIC SDN BHD	No 1001
Tarikh : 6 Jun 2020		
Kepada : Perniagaan Elektrik Murni		
Butir	Kuantiti	Harga seunit
Telivisyen		230
		230
Diskaun niaga 20%		46
Jumlah		184
(Ringgit : Seratus lapan puluh empat sahaja)		
		<i>pama</i> Pengurus

Dokumen 2

Salinan No 2010

INVOIS
PERNIAGAAN ELEKTRIK Murni
 Johor Bahru, Johor

Tarikh : 9 Jun 2020

Kepada :
 Perniagaan Gaffar

Butir	Kuantiti	Harga seunit	Jumlah (RM)
Telvisyen	10		4 000
			4 000
Diskaun niaga 10%			400
Jumlah			3 600

(Ringgit : Tiga ribu enam ratus sahaja)

Syarat : 5% 7 hari,
 Serahan : Angkutan dibayar
 K & K di K

murni
 Pengurus

Dokumen 3

M018

MEMO
PERNIAGAAN ELEKTRIK MURNI
 Johor Bahru, Johor

Tarikh : 12 Jun 2020

Kerani akaun,
 Ambilan tunai RM180 untuk membayar yuran kelas komputer anak

murni
 Pengurus

Dokumen 4

Salinan No 202

NOTA DEBIT
PERNIAGAAN ELEKTRIK MURNI

Tarikh : 15 Jun 2020

Kepada :
 Perniagaan Gaffar

Butir	Jumlah (RM)
Invois no 2010 terkurang caj	100
	100
Diskaun niaga 10%	10
Jumlah	90

(Ringgit : Sembilan puluh sahaja)

murni
 Pengurus

Dokumen 5

Tarikh : 22 Jun 2020
 Penerima : Pamasonic Sdn Bhd
 Kerana : Menjelaskan sebahagian invois No 1001

	Ringgit	Sen
Baki akhir	(2 500)	00
Dimasukkan	-	
Jumlah	(2 500)	00
Cek ini	1 800	00
Baki	(4 300)	00

No. : 043322

DOKUMEN 6

Asal No 1235

INVOIS
SYARIKAT ABBY

Tarikh : 23 Jun 2020

Kepada :
 Perniagaan Elektrik Murni

Butir	Kuantiti	Harga seunit	Jumlah (RM)
Rak pameran	4	85	340
Jumlah			340

(Ringgit : Tiga ratus empat puluh sahaja)

Syarat : 5% 10 hari,
 Angkutan dibayar
 K & K di K

abby
 Pengurus

DOKUMEN 7

Anda dikehendaki menyediakan :

- | | |
|---------------------------------|--------------|
| a) Jurnal am (tanpa keterangan) | (3 markah) |
| b) Jurnal Belian | (2 markah) |
| c) Jurnal Jualan | (3 markah) |
| d) Jurnal pulangan | (2 markah) |
| e) Buku tunai | (2 markah) |

Jawapan :

JURNAL AM

TARIKH	BUTIRAN	DEBIT RM	KREDIT RM

JURNAL BELIAN

TARIKH	BUTIRAN	NO. INVOIS	JUMLAH RM

JURNAL JUALAN

TARIKH	BUTIRAN	NO INVOIS	JUMLAH RM

JURNAL PULANGAN BELIAN

TARIKH	BUTIRAN	NOTA KREDIT	JUMLAH RM

3. LEJAR

JOHOR MPSM SET 1 2020

Buku Catatan Pertama bagi Perniagaan Alwani yang beroperasi di Ayer Keroh, Melaka pada 1 Julai 2020 seperti berikut:

Jurnal Am

Tarikh	Butir	Fol	Debit (RM)	Kredit (RM)
2020 Julai 1	Bank Modal (Memulakan perniagaan)		25 000	25 000
26	Derma Belian (Ambilan barang niaga untuk derma)		750	750

Jurnal Belian

Tarikh	Butir	Fol	Jumlah(RM)
2020 Julai 17	Ezzah Enterprise		5 720
31	Akaun Belian (Dt)		5 720

Jurnal Jualan

Tarikh	Butir	Fol	Jumlah(RM)
2020 Julai 23	Purnama		3 609
31	Akaun Jualan (Kt)		3 609

Jurnal Pulangan Belian

Tarikh	Butir	Fol	Jumlah(RM)
2020 Julai 23	Ezzah Enterprise		200
31	Akaun Pulangan Belian (Kt)		200

Buku Tunai

Tarikh	Perkara	Fol	Disk	Tunai	Bank	Tarikh	Perkara	Fol	Disk	Tunai	Bank
2020 Julai 1	Modal		RM	RM	RM	2020 Julai 2	Tunai	√	RM	RM	RM
2	Bank	√		1 000	25 000	4	Kadar Bayaran			185	
16	Jualan				1 980	20	Belian			500	
28	Purnama		104		3 505	31	Baki h/b			515	29 845
30	Jualan			200							
			104	1 200	30 485					1 200	30 485

Berdasarkan Buku Catatan Pertama di atas, anda dikehendaki:

- Mengepos catatan ke dalam lejar berkenaan.
- Menyediakan Imbangan Duga pada 31 Julai 2020

[16 markah]

[4 markah]

Jawapan :

Akaun Modal

2020		RM	2020		RM

Akaun Derma

2020		RM	2020		RM

Akaun Belian

2020		RM	2020		RM

Akaun Purnama

2020		RM	2020		RM

Ezzah Enterprise

2020		RM	2020		RM

Akaun Jualan

2020		RM	2020		RM

Akaun Pulangan Belian

2020		RM	2020		RM

Akaun Kadar Bayaran

2020		RM	2020		RM

Akaun Diskaun Diberi

2020		RM	2020		RM

Perniagaan Alwani
Imbangan Duga pada 31 Julai 2020

Butir	Debit (RM)	Kredit (RM)
Tunai		
Bank		
Belian		
Kadar Bayaran		
Diskaun Diberi		
Jualan		
Ezzah Enterprise		
Modal		
Pulangan belian		
Derma		
	36 509	36 509

4. KAD INVENTORI

MRSM 2020

Pada 1 Februari 2020, Puan Siti memulakan perniagaan Cetak Selesa Sdn Bhd yang membekalkan baju sukan dan baju korporat di sekolah sekitar Muar, Johor.

Dokumen-dokumen berikut menunjukkan urus niaga sepanjang bulan Februari 2020:

ASAL	INVOIS	INV2011		
MUAZ TAILOR SOLUTION SDN BHD Lot 112, Jalan Munshi, 75 000 Melaka 012 680 0114				
Kepada: Cetak Selesa Sdn Bhd KM10, Jalan Bakri, 84 000 Muar Johor				
		Tarikh: 2 Februari 2020		
Bil	Butir	Harga (RM)	Unit	Jumlah (RM)
1.	Baju sukan	20.00	430	8 600.00
2.	Baju korporat	55.00	360	19 800.00
				28 400.00
Tolak Diskaun Niaga 10%				2 840.00
JUMLAH				25 560.00
Ringgit Malaysia: Dua puluh lima ribu lima ratus enam puluh sahaja Syarat: 10% 5 hari, 5% 10 hari K. & K. di K				
 _____ (Penerima)		 _____ (Pengurus)		

Dokumen 1

ASAL	BIL TUNAI	BT5000		
KASUARINA TUKANG JAHIT Parit Sulong, 84 000 Batu Pahat, Johor 011-1187879				
Kepada: Cetak Selesa Sdn Bhd KM10, Jalan Bakri, 84 000 Muar Johor		Tarikh: 6 Februari 2020		
BIL	BUTIR	HARGA (RM)	UNIT	JUMLAH (RM)
1.	Baju sukan	20.00	200	4 000.00
JUMLAH				4 000.00
Ringgit Malaysia: Empat ribu sahaja Tunai/ Nocek :				
<i>SIM</i> _____ (Pengurus)		<i>RREH</i> _____ (Pengurus)		

Dokumen 2

MEMO Cetak Selesa Sdn Bhd KM10, Jalan Bakri, 84 000 Muar Johor. 019 6095260
Kepada : Pengurus Akaun Daripada : Puan Siti Tarikh : 10 Februari 2020
Perkara: Pengurus mengambil 5 helai baju sukan pelbagai saiz yang bernilai RM20.00 sehelai dan 2 helai baju korporat yang bernilai RM55.00 sehelai untuk tujuan promosi.
<i>SIM</i> _____ (Pemilik)

Dokumen 3

SALINAN	INVOIS	INV 10020
----------------	---------------	------------------

Cetak Selesa Sdn Bhd
 KM10, Jalan Bakri,
 84 000 Muar Johor.
 019 6095260

Kepada: Koperasi Sekolah Tinggi Muar Berhad Jalan Mulia, 84 000 Muar Johor	15 Februari 2020
--	------------------

Bil	Butir	Harga (RM)	Unit	Jumlah (RM)
1.	Baju sukan	35.00	200	7 000.00
2	Baju korporat	70.00	160	11 200.00
Jumlah Kasar				18 200.00
Tolak :Diskaun Niaga 10%				1 820 .00
JUMLAH				16 380.00

(Ringgit Malaysia: Enam belas ribu tiga ratus lapan puluh sahaja).
 Syarat : 10% 5hari, 7% 10hari
 K.&K. di K.

<u><i>HANZAH</i></u> (Penerima)	<u><i>STT</i></u> (Pengurus)
------------------------------------	---------------------------------

Dokumen 4

SALINAN	BIL TUNAI	BT3050
----------------	------------------	---------------

Cetak Selesa Sdn Bhd
 KM10, Jalan Bakri,
 84 000 Muar, Johor.
 019 6095260

Kepada: Koperasi MRSM Muar Berhad Jalan Bakri, 84 000 Muar Johor	Tarikh: 20 Februari 2020
--	--------------------------

Bil	Butiran	Kuantiti	Harga seunit (RM)	Jumlah (RM)
1.	Baju sukan	100	35.00	3 500.00
JUMLAH				3 500.00

Ringgit Malaysia: Tiga ribu lima ratus sahaja
 Tunai/ No-Cek :

<u><i>AKMA</i></u> (Penerima)	<u><i>STT</i></u> (Pengurus)
----------------------------------	---------------------------------

Dokumen 5

SALINAN	NOTA KREDIT	NK205		
Cetak Selesa Sdn Bhd KM10, Jalan Bakri, 84 000 Muar Johor. 019 6095260				
Kepada: Koperasi Sekolah Tinggi Muar Berhad Jalan Mulia, 84 000 Muar Johor		Tarikh: 22 Februari 2020		
Akaun tuan/puan telah dikreditkan seperti berikut:				
Bil	Butiran	Kuantiti	Harga seunit (RM)	Jumlah (RM)
1.	Baju korporat dipulangkan kerana salah warna	15	70	1 050.00
Tolak Diskaun Niaga 10%				105.00
JUMLAH				945.00
(Ringgit Malaysia: Sembilan ratus empat puluh lima sahaja).				
<u><i>HAMZAH</i></u> (Penerima)			<u><i>STT</i></u> (Pengurus)	

Dokumen 6

Berdasarkan dokumen-dokumen yang diberi, **anda dikehendaki:**

- | | | |
|-----|---|------------|
| i) | Melengkapkan kad inventori di Lampiran 1 . | [9 markah] |
| ii) | Menghitung inventori pada 29 Februari 2020. | [1 markah] |

Jawapan :

Kad Inventori 1: Baju Sukan

Bil	Tarikh	Dokumen	No Dokumen	Masuk			Keluar			Baki		
				Kuantiti	Harga	Amaun	Kuantiti	Harga	Amaun	Kuantiti	Harga	Amaun
	2020				RM	RM		RM	RM		RM	RM
1.												
2.												
3.												
4.												
5.												

Kad Inventori 2: Baju Korporat

Bil	Tarikh	Dokumen	No Dokumen	Masuk			Keluar			Baki		
				Kuantiti	Harga	Amaun	Kuantiti	Harga	Amaun	Kuantiti	Harga	Amaun
	2020				RM	RM		RM	RM		RM	RM
1												
2												
3												
4												

(ii) Jumlah Inventori akhir = 6 500 + 11 715 = **18 215** (1m)

[10 markah]

5. BUKU TUNAI RUNCIT

Perniagaan Elvina merekod Buku Tunai Runcit mengikut sistem panjar dengan memperuntukkan RM300 sebagai dana tunai runcit.

Penggunaan wang dalam bulan Julai adalah seperti berikut:

2020			RM
Julai	1	Baki b/b	45
		Terima cek dari ketua juruwang	?
	3	Minuman pelanggan	15
	6	Kertas dan dakwat pencetak	40
	12	Pos laju	30
	13	Baiki tingkap pejabat	25
	18	Pinjaman kepada pekerja am bernama Salim	60
	23	Baiki lampu pejabat	15
	26	Beli alas meja pejabat	35
	28	Belian barang niaga	50
	30	Salim menjelaskan pinjamannya	

- (ii) Anda dikehendaki menyediakan Buku Tunai Runcit sehingga 31 Julai 2020 dengan menunjukkan lajur Alat tulis, Belanja Pos, Belanja Pejabat dan Pelbagai

[8 markah]

- (ii) Apakah maksud Sistem Panjar Runcit?

[2 markah]

KEDAH YIK 2020

Perniagaan Farish menyimpan Buku Tunai Runcit mengikut sistem panjar. Wang permulaan RM350 diperuntukkan sebagai dana tunai runcit. Penerimaan wang daripada ketua juruwang dilakukan pada awal bulan berikutnya. Berikut ialah penggunaan wang sepanjang bulan April 2020.

2020		RM
Jun	3 Pen dan pensel	15
	7 Alas meja	20
	17 Bunga meja pejabat	30
	18 Kertas karbon	24
	22 Pembaikan pintu pejabat	55
	24 Sampul surat dan setem	11
	26 Kunci pejabat	31
	27 Kertas dan dakwat	18
	28 Lengkapan pejabat baharu	700
	29 Gaji kerani	800
	30 Pewangi	25

Sediakan Buku Tunai Runcit sehingga 30 Jun 2020 dengan menunjukkan lajur Alat Tulis, Belanja Pos dan Belanja Pejabat. (Lampiran 1) (12 markah)

Jawapan :

5. (a)

Buku Tunai Runcit

Tarikh 2020	Butir	Penerimaan	Pembayaran	Analisis Bayaran		
				Alat tulis	Belanja pos	Belanja pejabat

6. AK KAWALAN

MELAKA 2019

Maklumat berikut dipetik dari buku-buku Perniagaan Citra Sari.

	1 Jan 2018	31 Dis 2018
	RM	RM
Baki debit Akaun Belum Terima	30 000	22 000
Baki kredit Akaun Belum Terima	5 400	?

Urus niaga sepanjang tahun kewangan:

	RM
Jualan tunai	9 700
Diskaun diberi	260
Diskaun diterima	470
Penerimaan cek daripada Akaun Belum Terima (termasuk hutang lapuk terpulih RM400)	40 600
Pulangan keluar	195
Cek yang diterima daripada Akaun Belum Terima tidak dilayan oleh bank	1 300
Diskaun diberi dibatalkan	110
Pindahan daripada lejar belian ke dalam lejar jualan	700
Peruntukan hutang ragu	185

- (i) Anda dikehendaki menyediakan Akaun Kawalan Belum Terima [6 *markah*]
- (ii) Tunjukkan catatan jualan dalam Akaun Perdagangan. [2 *markah*]

Jawapan :

5b) (i)

Akaun Kawalan Belum Terima

(11)

Perniagaan Citra Sari
Akaun Perdagangan bagi tahun berakhir

RM

Jualan

JOHOR KULAI SET 2 2020

Maklumat berikut diperoleh daripada buku perniagaan AA Hub Segar bagi bulan berakhir 30 September 2020.

	1 Sept 2020	30 Sept 2020
	RM	RM
Akaun Belum Terima	5 500	?
Akaun Belum Bayar	3 400	?
Bank	54 000	67 000
Tunai	2 300	3 560

Jurnal Belian

Tarikh	Butiran	Folio	Jumlah (RM)
2020			
Sept 1	Maju Trading		7 180
17	Bintang Sdn Bhd		1 450
25	Maju Trading		2 400
30	Akaun Belian		11 030

Jurnal Jualan

Tarikh	Butiran	Folio	Jumlah (RM)
2020			
Sept 5	Restoran Maliq		2 650
7	Puan Mariam		5 400
10	Restoran Beriani Ali		2 300
30	Akaun Jualan		10 350

Jurnal Pulangan Jualan

Tarikh	Butiran	Folio	Jumlah (RM)
2020			
Sept 8	Puan Mariam		120
30	Akaun Pulangan Belian		120

Jurnal Pulangan Belian

Tarikh	Butiran	Folio	Jumlah (RM)
2020			
Sept 18	Bintang Berhad		110
30	Akaun Pulangan Belian		110

Buku Tunai (Ruangan Bank sahaja)

Tarikh	Butir	Disk	Bank	Tarikh	Butir	Disk	Bank
Sept 1	Baki b/b		54 000	Sept 2	Bintang Trading		3 400
3	Restoran Maliq		2 500	5	Maju Trading	180	7 000
7	Restoran Maliq		2 650	20	Bintang Sdn Bhd		1 340
10	Puan Mariam		3 000				
14	Puan Mariam	80	5 200				
15	Jualan		2 000				
23	Jualan		1 500				
28	Jualan		3 250				

Maklumat tambahan:

- (i) Cek yang diterima pada 14 September 2020 adalah cek tendang. Diskaun juga telah dibatalkan
- (ii) Restoran Beriani Ali telah dikenakan faedah 3% kerana lambat membayar hutang

Anda dikehendaki menyediakan:

- (a) Akaun Kawalan Belum Terima [6 markah]
- (b) Akaun Kawalan Belum Bayar [4 markah]

Jawapan :

Akaun Kawalan belum terima

Tarikh	Butiran	Jumlah (RM)		Tarikh	Butiran	Jumlah (RM)	

[6m]

Akaun Kawalan belum bayar

Tarikh	Butiran	Jumlah RM		Tarikh	Butiran	Jumlah RM	

[4m]

7. PELARASAN

MELAKA 2020

Kedai Serbaneka Jaya beroperasi di Pekan Asahan. Maklumat berikut diperolehi daripada buku perniagaan Kedai Serbaneka Jaya pada 30 Jun 2020.

	1 Januari 2020 RM	30 Jun 2020 RM
Sewa prabayar	900	-
Komisen belum terperoleh	1 000	4 000

Maklumat tambahan:

- (i) Kedai Serbaneka membayar sewa bulanan RM900 dengan cek.
- (ii) Komisen yang telah diterima berjumlah RM20 000 dengan cek.

Anda dikehendaki menyediakan akaun-akaun berkenaan pada 30 Jun 2020.

- (a) Akaun Sewa [2 markah]
- (b) Akaun Sewa prabayar [1 markah]
- (c) Akaun Komisen diterima [3 markah]
- (d) Akaun Komisen belum terperoleh [2 markah]

PERLIS 2020

- Maklumat yang berikut diperolehi daripada Buku Perniagaan Jasmi pada 31 Disember 2019.

	Debit RM	Kredit RM
Akaun Belum Terima	8 000	
Peruntukan hutang ragu		600
Lekapan	20 000	
Susut nilai terkumpul lekapan		2 000

Pelarasan berikut belum diambil kira pada akhir tempoh perakaunan:

- Peruntukan hutang ragu diselaraskan kepada 5% ke atas Akaun Belum Terima.
- Lekapan disusutnilaikan 10% mengikut kaedah baki berkurangan.
- Pada 31 Disember 2019, lekapan dijual secara tunai dengan harga RM12 000.

Anda dikehendaki menyediakan:

- | | |
|--|------------|
| (a) Akaun Peruntukan Hutang Ragu | [2 markah] |
| (b) Akaun Susut Nilai Terkumpul Lekapan | [2 markah] |
| (c) Akaun Pelupusan Lekapan | [3 markah] |
| (d) Akaun Untung Rugi bagi tahun berakhir 31 Disember 2019 | [3 markah] |

Jawapan :

(a) Akaun Peruntukan Hutang Ragu

2019				2019			

(b) Akaun Susut Nilai Berkumpul Lekapan

2019				2019			

(c) Akaun Pelupusan Lekapan

2019				2019			

(d) Akaun Untung Rugi bagi tahun berakhir 31 Disember 2019 (petikan)

MRSM 2019

Maklumat berikut dipetik daripada Kedai Nyatoh.

	31 Disember 2017	31 Disember 2018
	RM	RM
Akaun Belum Terima	60 000	65 000
Hutang Lapuk	300	400
Hutang Lapuk Terpulih	-	1 000

Maklumat Tambahan:

- Seorang penghutang, Encik Jasmin telah menghilangkan diri dan hutangnya RM500 telah dihapuskan sebagai hutang lapuk.
- Peruntukan hutang ragu dianggarkan pada kadar 5% atas baki Akaun Belum Terima bersih.

Anda dikehendaki menyediakan:

- Akaun Peruntukan Hutang Ragu bagi tahun 2017 dan 2018 [4 markah]
- Akaun Hutang Lapuk Terpulih [1 markah]
- Petikan Akaun Untung Rugi bagi tahun berakhir 31 Disember 2017 dan 31 Disember 2018 [5 markah]

Jawapan :

Akaun Peruntukan Hutang Ragu

Akaun Hutang Lapuk Terpulih

Akaun Untung Rugi bagi tahun berakhir 31 Disember 2017

Akaun Untung Rugi bagi tahun berakhir 31 Disember 2018

8. PEMBETULAN KESILAPAN

JOHOR MPSM SET 2 2020

Kesilapan-kesilapan berikut telah ditemui setelah Imbangan Duga disediakan:

- (i) Belian alatan pejabat berkos RM1 500 telah direkod dalam Akaun Belian.
- (ii) Alat tulis yang diambil untuk kegunaan peribadi RM20 tidak direkod dalam mana mana buku.
- (iii) Angkutan masuk RM500 tersilap catat sebagai angkutan keluar.
- (iv) Belian barang niaga secara kredit RM1 392 telah dicatat dalam buku sebagai RM1 329.

Anda dikehendaki membetulkan kesilapan-kesilapan di atas melalui catatan Jurnal Am. (abaikan keterangan)

[8 markah]

Jawapan :

Jurnal Am

Bil	Butir	Debit	Kredit

9. PENYATA KEWANGAN MILIKAN TUNGGAL

SBP 2020

Cik Husna memulakan perniagaan Butik Lawa Nana pada 1 Jun 2019 di Presint 11 Putrajaya. Perniagaan telah menetapkan urus niaga hanya secara tunai. Maklumat berikut diperoleh daripada buku perakaunannya.

Butik Lawa Nana		
Imbangan Duga Pada 31 Mei 2020		
	Debit	Kredit
	RM	RM
Modal		60 200
Tunai	560	
Bank	28 300	
Lengkapan	13 600	
Kenderaan	20 000	
Belian dan Jualan	34 000	60 860
Utiliti	3 600	
Sewa	6 000	
Gaji	14 400	
Insurans	600	
	121 060	121 060

Maklumat tambahan:

- Inventori akhir dinilai pada harga kos RM10 200 dan harga pasaran RM13 420.
- Bil elektrik diterima pada 31 Mei 2020 menunjukkan jumlah yang perlu dibayar RM470.
- Jualan belum terperoleh RM3 800.
- Komisen daripada Butik Laila masih belum diterima sebanyak RM920.
- Kadar susut nilai bagi semua aset bukan semasa ialah 10% mengikut kaedah baki berkurangan.
- Cik Husna mengambil beberapa helai pakaian bernilai RM1 730 untuk kegunaan sendiri.
- Pinjaman bank sebanyak RM30 000 berkadar 2.35% setahun telah diterima pada 31 Mei 2020. Memandangkan moratorium telah dilaksanakan, bayaran balik pinjaman bermula 1 Ogos 2020 dan berakhir pada 31 Julai 2025. Perkara ini masih belum direkod dalam mana-mana buku.

Anda dikehendaki menyediakan:

- a) Akaun Perdagangan dan Untung Rugi bagi tahun berakhir 31 Mei 2020. [10 markah]
- b) Penyata Kedudukan Kewangan pada 31 Mei 2020. [10 markah]

Jawapan :

Butik Lawa Nana

Akaun Perdagangan dan Untung Rugi bagi tahun berakhir 31 Mei 2020

RM

RM

Untung Kasar		34 990	[1]
--------------	--	--------	------------

Tambah: Hasil

Tolak: Belanja

Untung Bersih

	<u>7 480</u>	[1]
--	--------------	------------

Butik Lawa Nana
Penyata Kedudukan Kewangan pada 31 Mei 2020

	RM	RM	RM
	Kos	Susut nilai terkumpul	Nilai Buku
Aset Bukan Semasa			
Aset Semasa			
		<u>69 980</u>	
		<i>[1]</i>	
Tolak: Liabiliti Semasa			
		<u>9 270</u>	
		<i>[1]</i>	
MODAL KERJA			<u>60 710</u>
			<i>[1]</i>
Ekuiti Pemilik			<u>90 950</u>
Modal Akhir			<u>65 950</u>
			<i>[1]</i>
Liabiliti Bukan Semasa			
			<u>90 950</u>

TERENGGANU 2020

Encik Ramzan merupakan pemilik RAM PERABOT yang menjual perabot di Bandar Marang, Terengganu. Imbangan Duga perniagaan pada 30 Jun 2020 adalah seperti berikut:

Imbangan Duga pada 30 Jun 2020

	Debit RM	Kredit RM
Lengkapan kedai (kos)	26 700	
Insurans	1 920	
Kenderaan (kos)	58 000	
Inventori pada 1 Julai 2019	10 550	
Angkutan masuk	440	
Premis (kos)	139 000	
Bank	35 560	
Akaun Belum Terima	12 900	
Akaun Belum Bayar		22 400
Tunai	590	
Belian dan Jualan	42 600	98 300
Pulangan	420	1 120
Peruntukan hutang ragu		360
Komisen diterima		4 000
Gaji	16 900	
Modal pada 1 Julai 2019		195 310
Kadar bayaran	6 290	
Susut nilai terkumpul:		
Kenderaan		5 800
Lengkapan kedai		10 680
Premis		13 900
	<u>351 870</u>	<u>351 870</u>

Maklumat tambahan:

- (i) Inventori pada 30 Jun 2020 bernilai RM13 640 pada harga pasaran dan RM11 630 pada harga kos.
- (ii) Komisen diterima RM400 sebulan.
- (iii) Insurans prabayar RM320.
- (iv) Kadar bayaran yang dibayar termasuk kadar bayaran rumah kediaman keluarga pemilik RM660.
- (v) Derma barang niaga RM280 belum direkod dalam mana-mana buku.
- (vi) Seorang pelanggan telah diisytiharkan muflis dengan hutangnya RM350 dianggap lapuk.
- (vii) Peruntukan hutang ragu diselaraskan kepada 2% atas Akaun Belum Terima bersih.
- (viii) Polisi susut nilai:
 - Kenderaan dan premis 10% atas baki berkurangan
 - Lengkapan kedai 20% atas kos

Anda dikehendaki menyediakan:

- (a) Akaun Perdagangan dan Untung Rugi bagi tahun berakhir 30 Jun 2020
[15 markah]
- (b) Penyata Kedudukan Kewangan pada 30 Jun 2020. (Tunjukkan modal kerja)
[10 markah]

Jawapan :

RAM PERABOT

Akaun Perdagangan dan Untung Rugi bagi tahun berakhir 30 Jun 2020

RM

RM

RM

Untung kasar

57 320

(+) Hasil:

4 909

62 229

(-) Belanja:

47 830

Untung bersih

14 399

RAM PERABOT
Penyata Kedudukan Kewangan pada 30 Jun 2020

	RM Kos	RM Susut Nilai Terkumpul	RM Nilai Buku	RM Jumlah
Aset Bukan Semasa				
Aset Semasa				170 250
(-) Liabiliti Semasa			61 199	
Modal Kerja				38 799
Ekuiti Pemilik				209 049
Modal akhir / Modal 30 Jun 2020				209 049

PAHANG BERA 2020

Sri Kencana Jaya sebuah perniagaan milikan tunggal yang menjalankan perniagaan menjual kasut di Bukit Katil, Melaka. Berikut merupakan Imbangan Duga yang telah diambil daripada buku-buku perniagaannya pada 31 Mac 2019.

Sri Kencana Jaya
Imbangan Duga pada 31 Mac 2019

	Debit	Kredit
	RM	RM
Kadar bayaran	3 000	
Inventori 1 April 2018	45 550	
Perabot (kos)	25 600	
Kenderaan (kos)	88 600	
Premis	68 000	
Modal		107 000
Susut nilai terkumpul perabot		2 000
Susut nilai terkumpul kenderaan		26 580
Belian dan Jualan	71 095	151 049
Insurans	1 080	
Pulangan	587	656
Tunai	1 090	
Bank	10 303	
Sewa		3 000
Kos pengangkutan	10 500	
Hutang lapuk terpulih		1 500
Hutang lapuk	1 040	
Gaji	32 400	
Promosi	2 700	
Alat tulis	350	
Faedah atas pinjaman	2 240	
Akaun Belum Terima dan Akaun Belum Bayar	25 000	35 440
Peruntukan hutang ragu		810
Ambilan	2 900	
Pinjaman Bank Industri		64 000
	<u>392 035</u>	<u>392 035</u>

Maklumat tambahan :

- i. Inventori pada 31 Mac 2019 bernilai RM33 650 pada harga kos dan RM32 850 pada harga pasaran.
- ii. Inventori alat tulis pada 31 Mac 2019 ialah RM70
- iii. Pengagihan kos pengangkutan:

Angkutan masuk	Angkutan keluar
60%	40%

- iv. Perabot disusutnilaikan dengan kadar 10% setahun mengikut kaedah baki berkurangan.

Terdapat perabot bernilai RM5 600 dibeli pada 1 Januari 2019. Kenderaan Disusutnilaikan dengan kadar 15% setahun mengikut kaedah garis lurus.

- v. Belanja promosi adalah untuk tempoh 6 bulan mulai 1 Disember 2018
- vi. Peruntukan hutang ragu diselaraskan pada kadar 2% atas Akaun Belum Terima.
- vii. Kadar sewa ruang kedai yang dikenakan kepada penyewa ialah RM300 sebulan.
- viii. Perjanjian pinjaman bernilai RM96 000 ditanda tangani pada 1 April 2016 dan matang pada 31 Mac 2022. Bank Industri menawarkan kadar faedah serendah 4% setahun atas nilai asal pinjaman.

Anda dikehendaki menyediakan:

- (a) Akaun Perdagangan dan Untung Rugi bagi tahun berakhir 31 Mac 2019. [15 markah]
- (b) Penyata Kedudukan Kewangan pada 31 Mac 2019. [10 markah]

Sri Kencana Jaya
Akaun Perdagangan dan Untung Rugi bagi tahun berakhir 31 Mac 2019

	RM		RM		RM
Untung bersih					3003

40

10. TAFSIRAN PENYATA

SBP 2020

Maklumat berikut diperolehi daripada perniagaan Sinar Omega dan Kedai Alpha yang membekalkan produk kosmetik wanita.

Akaun Perdagangan dan Untung Rugi bagi tahun berakhir 31 Julai 2020

	Sinar Omega		Kedai Alpha	
	RM	RM	RM	RM
Jualan		160 000		130 000
<i>Tolak: Pulangan Jualan</i>		(5 000)		(2 000)
		<u>155 000</u>		<u>128 000</u>
<u>Tolak: Kos Jualan</u>				
Inventori Awal	25 000		23 000	
Belian	120 000		100 000	
	<u>145 000</u>		<u>123 000</u>	
<i>Tolak: Inventori Akhir</i>	(30 000)		(25 000)	
Kos Jualan		(115 000)		(98 000)
Untung Kasar		<u>40 000</u>		<u>30 000</u>
<i>Tolak: Belanja</i>		(12 000)		(8 000)
Untung Bersih		<u>28 000</u>		<u>22 000</u>

Maklumat tambahan:

	Sinar Omega	Kedai Alpha
	RM	RM
Aset semasa	90 000	60 000
Modal Kerja	5 000	12 000
Modal pada 31 Julai 2020	250 000	225 000

- (a) **Anda dikehendaki** menghitung nisbah berikut bagi perniagaan Sinar Omega dan Kedai Alpha. *(Berikan jawapan pada dua tempat perpuluhan)*
- | | | |
|------|----------------------|------------|
| i. | Tokokan | [4 markah] |
| ii. | Margin untung bersih | [4 markah] |
| iii. | Nisbah semasa | [4 markah] |
| iv. | Pulangan atas modal | [4 markah] |
- (b) Perniagaan manakah yang mampu menjelaskan hutang jangka pendek dengan lebih baik. Berikan alasan anda. [2 markah]
- (c) Nyatakan perniagaan yang menawarkan pelaburan terbaik? Berikan alasan anda. [2 markah]

Jawapan :

No.	Nisbah	Rumus	Sinar Omega	Kedai Alpha
(i)	Tokokan			
(ii)	Margin Untung Bersih			
(iii)	Nisbah Semasa			
(iv)	Pulangan atas modal			

11. REKOD TAK LENGKAP (PERBANDINGAN)

MRSM 2020

Encik Adlan memulakan perniagaan pada 1 April 2019. Beliau tidak menyimpan rekod perakaunan mengikut sistem catatan bergu. Maklumat kewangan perniagaannya adalah seperti berikut.

	1 April 2019	31 Mac 2020
	RM	RM
Alatan Pejabat (kos)	12 000	?
Akaun belum terima	8 800	10 200
Tunai	3 000	1 500
Bank	900 (kt)	10 500
Kadar bayaran belum bayar	340	420
Inventori	32 560	44 800
Insurans prabayar	1 150	-

Maklumat tambahan:

- En. Adlan membuat ambilan barang niaga RM180 sebulan untuk kegunaan sendiri mulai 1 Ogos 2019.
- Pada tahun kewangan, pemilik membawa masuk komputer bernilai RM2 300 ke dalam perniagaan. Semua alatan pejabat disusutnilaikan 10% setahun atas kos.
- Salah seorang penghutang telah diisytiharkan muflis dan hutangnya sebanyak RM300 dihapuskan. Perkara ini belum direkodkan.
- Peruntukan hutang ragu dianggarkan 2% daripada Akaun Belum Terima bersih.
- Pada 1 Mei 2019, pemilik telah memasukkan tunai RM2 000 ke dalam bank untuk menambahkan modal dan terlupa direkodkan.

Anda dikehendaki menyediakan:

- Penyata Mengira Modal pada 31 Mac 2020. [7 markah]
- Penyata Untung Rugi bagi tahun berakhir 31 Mac 2020. [6 markah]

Jawapan :

Penyata Mengira Modal pada 31 Mac 2020

Modal akhir	<u>80 952*</u>
-------------	----------------

Penyata Untung Rugi bagi tahun berakhir 31 Mac 2020

RM

RM

Untung bersih	<u>21 822</u>
---------------	---------------

MELAKA 2020

Encik Faizal menjalankan perniagaan Pasaraya Faizal di Bandar Melaka. Pada akhir tahun 2018, pasaraya tersebut terbakar disebabkan oleh litar pintas. Kebanyakan buku-buku perakaunannya telah musnah.

Maklumat berikut diperoleh daripada buku catatannya yang masih terselamat.

	1 Januari 2019 RM	31 Disember 2019 RM
Premis (kos)	250 000	250 000
Lengkapan (kos)	36 500	?
Bank	1 500 (kt)	5 200
Tunai	910	2 340
Inventori	8 940	28 750
Akaun Belum Bayar	6 520	3 480
Akaun Belum Terima	6 260	8 120
Insurans prabayar	-	660
Susut nilai terkumpulengkapan	2 500	?
Kadar bayaran belum bayar	390	430
Sewa diterima belum terperoleh	900	-

Maklumat tambahan:

- (i) Pada 1 April 2019, pemilik telah membeliengkapan RM2 600 menggunakan wang peribadi untuk dibawa masuk ke dalam perniagaan. Kadar susut nilai perlengkapan ditetapkan pada 10% setahun mengikut kaedah garis lurus. Susut nilai dikira setahun penuh pada tahun pembelian.
- (ii) Seorang penghutang diisytiharkan muflis. Hutangnya bernilai RM620 telah dihapus kira. Urus niaga ini belum lagi direkodkan.
- (iii) Peruntukan hutang ragu dianggarkan 5% daripada Akaun Belum Terima bersih.
- (iv) Encik Faizal mengambil barang niaga RM240 sebulan untuk kegunaan peribadi.
- (v) Dua Nota Kredit yang diterima berjumlah RM1 450 telah dijumpai, dan masih belum direkod dalam mana-mana buku.
- (vi) Pasaraya Faizal telah menyewa sebuah van bermula 1 Julai 2019 pada kadar RM300 sebulan. Sehingga akhir tempoh perakaunan, perniagaan itu telah membayar sebanyak RM1 300.
- (vii) Pada 31 Disember 2019, pemilik telah memasukkan tunai RM2 300 ke dalam bank untuk menambah modal.

Anda dikehendaki menyediakan:

- (a) Penyata mengira modal pada 31 Disember 2019. [7 markah]
- (b) Penyata Untung Rugi bagi tahun berakhir 31 Disember 2019. [5 markah]

Jawapan :

Penyata mengira modal pada 31 Disember 2019

Modal akhir/ Modal 31 Disember 2019

323 805

Penyata Penyata Untung Rugi bagi tahun berakhir 31 Disember 2019

Untung bersih

30 985

12. REKOD TAK LENGKAP (ANALISIS)

JOHOR BATU PAHAT 2020

2. Encik Razak ialah pemilik tunggal perniagaan Razak Enterprise yang beroperasi di Parit Raja, Batu Pahat. Beliau tidak menyimpan rekod perakaunannya mengikut sistem catatan bergu. Berikut ialah baki aset dan liabiliti perniagaannya pada 1 Januari 2019.

Aset	RM	Liabiliti	RM
Kenderaan	58 000	Akaun Belum Bayar	4 710
Perabot	5 500	Kadar bayaran belum bayar	180
Inventori	8 000		
Akaun BelumTerima	5 640		
Bank	4 500		
Insurans prabayar	250		

Berikut ialah ringkasan akaun bank bagi tahun berakhir 31 Disember 2019.

Penerimaan	RM	Pembayaran	RM
Jualan	8 875	Insurans	900
Akaun BelumTerima	32 850	Akaun Belum Bayar	18 556
Komisen	2 290	Gaji	3 600
	<u>44 015</u>	Perabot	4 500
		Belanja Am	340
		Sewa	750
		Kadar bayaran	475
		Ambilan	1 450
		Angkutan masuk	320
			<u>30 891</u>

Anda telah dapat mengenal pasti maklumat berikut:

- (i) Baki-baki pada 31 Disember 2019:

	RM
Akaun Belum Bayar	4 050
Akaun BelumTerima	5 140
Inventori	6 300
Kadar bayaran belum bayar	220

- (ii) Seorang Akaun Belum Terima didapati muflis dan hutangnya sebanyak RM180 dihapuskan sebagai hutang lapuk.
- (iii) Perabot baru telah dibeli pada 1 September 2019. Perabot disusutnilaikan 10% setahun atas kos.

- (iv) Komisen diterima belum terperoleh bernilai RM290.
- (v) Perkara ini belum direkodkan:
 - a. Pembekal memberi diskaun RM 140 kerana telah menyelesaikan hutang dengan segera.
 - b. Encik Razak telah mengambil barang niaga untuk kegunaan sendiri RM 1 000.
- (vi) Peruntukan Hutang Ragu sebanyak 5% atas Akaun Belum Terima diwujudkan.

Anda dikehendaki menyediakan:

- a) Akaun Kawalan Belum Bayar [3 markah]
- b) Akaun Kawalan Belum Terima [3 markah]
- c) Akaun Perdagangan dan Untung Rugi bagi tahun berakhir 31 Disember 2019 [11 markah]
- d) Penyata Kedudukan Kewangan pada 31 Disember 2019 [8 markah]

Jawapan :

2 (a)

Akaun Kawalan Belum Terima

RM	RM
----	----

b.

Akaun Kawalan Belum Bayar

RM	RM
----	----

Razak Enterprise
Akaun Perdagangan dan Untung Rugi Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2019

Untung bersih

Razak Enterprise

Penyata Kedudukan Kewangan pada 31 Disember 2019

91 687
